

## Penglibatan Komuniti Pulau Tioman Dalam Bidang Keusahawanan Pelancong dan Peranan Insentif Pelancongan

(Community involvement in Tioman Island Tourist Entrepreneurship and the Role of Tourism Incentives)

<sup>1,2</sup>Salleh N.H.M., <sup>3</sup>Othman R., <sup>1</sup>Idris S.H.M.

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

<sup>2</sup>Penyelidik Bersekutu di Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin (EKOMAR)

<sup>3</sup>Penyelidik Bersekutu di Pusat Kajian Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

Received 7 May 2012; accepted 7 Oktober 2012

### ABSTRAK

*Pembangunan pelancongan berasaskan penglibatan komuniti/masyarakat mampu memperkukuhkan industri berkaitan dan institusi kemasyarakatan kerana wujudnya kerjasama antara mereka bagi menonjolkan keunikan yang ada dalam masyarakat dan memperoleh manfaat ekonomi, sosial dan budaya. Kajian ini bertujuan mengkaji penglibatan komuniti tempatan di Pulau Tioman dalam sektor pelancongan serta mengenal pasti sama ada insentif pelancongan yang disediakan kerajaan membantu pembangunan keusahawanan pelancongan di Pulau Tioman. Hasil kajian mendapati pembangunan pelancongan di Pulau Tioman berjaya melibatkan penyertaan komuniti tempatan dalam sub-sektor penginapan, penyediaan makanan (restoran), perkhidmatan sokongan pelancongan dan sebagainya. Bagaimanapun, didapati insentif yang diberikan kurang membantu membangunkan keusahawanan pelancongan yang diceburi. Ini kerana masih ramai usahawan yang tidak menyedari kewujudan insentif ini, selain tidak mengetahui syarat-syarat untuk mendapatkannya. Selepas diberikan maklumat mengenainya ramai pengusaha berpandangan insentif ini bermanfaat kepada mereka. Bagaimana pun dicadangkan supaya pihak kerajaan memberikan bantuan kewangan mudah kepada pengusaha pelancongan khususnya dalam sub-sektor penginapan dan pengangkutan yang melibatkan begitu banyak pengusaha.*

Kata kunci: keusahawanan, komuniti tempatan, pelancongan, Pulau Tioman

### ABSTRACT

*The development of tourism activities based on community involvement is able to strengthening particular industries and institutions in the society. This is due to existence of cooperation among them to highlight the unique features of the society besides gaining economic, social and cultural advantages. This study aims to investigate the involvement of local communities in Pulau Tioman in the tourism sector and to identify whether tourism incentives provided by the government facilitate the development of tourism entrepreneurship in Tioman Island. Research findings showed that tourism development in Tioman Island managed to attract participation of local communities in various tourism sub-sectors such as accommodation, catering (restaurants), and other tourism supportive services. However, the available incentives are not of a great help to develop local tourism entrepreneurial venture. This is mainly because majority of entrepreneurs are not aware of these incentives and not knowing their term and conditions. After giving information about these incentives many entrepreneurs realized their useful to them. However, it is recommended that the government should provide soft loans to tour operators especially in the accommodation and transport sub-sectors which involve many tourism entrepreneurs.*

Keywords: entrepreneurship, local community, tourism, Tioman Island

## PENGENALAN

Kemajuan dalam bidang telekomunikasi pada hari ini memudahkan kebolehsampaian maklumat dan perjalanan antara pelbagai destinasi. Perkembangan ini signifikan kepada pembangunan sektor pelancongan dan telah menjadikan pelancongan salah satu kegiatan ekonomi dan sosial yang amat penting. Jumlah ketibaan pelancong dalam negeri dan antarabangsa meningkat begitu ketara. Malah beberapa buah negara di dunia kini berusaha memajukan sektor pelancongan mereka sebagai sektor utama penjana pendapatan negara (Inkeep 1991).

Untuk memaju dan merangsang perkembangan sektor pelancongan penglibatan sektor swasta amat penting sebagai pembekal perkhidmatan yang diperlukan pelancong. Dalam konteks ini pembangunan usahawan dalam bidang pelancongan memainkan peranan penting. Keusahawanan dan pembentukan urus niaga baru penting bagi mencipta dan mengekalkan ekonomi yang sihat kerana ia mencipta peluang-peluang pekerjaan baru, menambah keupayaan eksport negara dan pertumbuhan ekonomi. Seorang usahawan berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi (Gilder 1984, Hashim & Kim 2011) dan mereka adalah penyambung kepada kemapanan ekonomi (Makhbul & Hasun 2003).

Pembangunan pelancongan berasaskan penglibatan masyarakat mampu memperkukuhkan sesebuah institusi kemasyarakatan (Brohman 1996). Ini kerana penduduk tempatan saling bekerjasama di antara satu sama lain bagi menonjolkan keunikan yang ada dalam masyarakat tersebut. Mereka akan merancang dan melaksanakan secara bersama semua aktiviti pelancongan yang ingin ditonjolkan kepada pihak luar.

Penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat memberikan pelbagai impak positif kepada mereka. Buhalis (2003) menegaskan bahawa penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat membantu mereka meningkatkan taraf ekonomi, sosial dan budaya mereka. Penduduk setempat mendapat peluang pekerjaan, menjual hasil produk tempatan dan mengusahakan perusahaan lain yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan. Dengan menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut, penduduk tempatan akan memperoleh peluang untuk memperbaiki taraf hidup dan kedudukan ekonomi mereka.

### Permasalahan kajian

Apabila produk pelancongan bergantung sepenuhnya kepada budaya tempatan dan sumber-sumber semulajadinya, ia memerlukan penglibatan sebaik mungkin daripada penduduk tempatan bagi mengendalikannya (Lilywhite & Lilywhite 1991). Ini kerana penduduk tempatan tahu apa yang mereka inginkan untuk kebaikan bersama (Murphy 1995).

Menurut Richard & Hall (2000), penduduk tempatan berpotensi menjadi faktor untuk menarik pelancong ke sesuatu destinasi. Gaya hidup dan kebudayaan sesuatu kelompok masyarakat yang berbeza antara satu kawasan dengan kawasan lain boleh dijadikan satu produk pelancongan yang unik dan menarik.

Timothy (1999) menambah, penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan dapat dilihat dari dua sudut iaitu penglibatan penduduk tempatan dalam membuat keputusan di samping penglibatan penduduk tempatan dalam mendapatkan keuntungan atau faedah kesan daripada aktiviti pelancongan. Melalui jenis penglibatan yang pertama, penduduk tempatan berpeluang untuk menyuarakan pendapat dan keinginan

mereka kepada pihak berkepentingan yang berupaya membangunkan kawasan berkenaan. Manakala aspek yang kedua pula memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan taraf hidup dan status ekonomi mereka.

Akama (1996) menjelaskan, penduduk tempatan perlu diberikan peluang untuk mencadang atau menetapkan program-program pembangunan pelancongan yang bersesuaian dengan persekitaran dan kemampuan mereka. Ini kerana mereka bukan hanya bertindak sebagai sumber kepada aktiviti pelancongan, tetapi dalam masa yang sama mereka adalah aset penting yang mampu menjana aktiviti pelancongan yang lebih rancak, lebih berkesan dan mapan. Di sesetengah kawasan pembangunan aktiviti dan program pelancongan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ataupun pengusaha pelancongan secara besar-besaran telah menyebabkan sumber pendapatan penduduk tempatan terjejas (Bell 1995). Situasi ini berlaku kerana pihak perancang kegiatan pelancongan tidak memahami konsep dan falsafah pembangunan pelancongan lestari yang mana penglibatan langsung dan keperluan masyarakat tempatan kurang diberikan perhatian (Timothy 1999). Selain daripada itu, penduduk tempatan juga tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sesuatu aktiviti pembangunan pelancongan (Scheyvens 1999).

Menurut Millar & Aiken (1995) pula, pembangunan bagi aktiviti-aktiviti pelancongan boleh menimbulkan konflik di kalangan sesama penduduk tempatan dan juga di antara penduduk tempatan dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Beliau menambah, perubahan berlaku kepada penduduk tempatan melalui interaksi harian mereka. Mereka terpaksa berkorban untuk berkongsi apa yang mereka miliki secara eksklusif selama ini dengan pihak berkepentingan yang lain. Sekiranya perancangan tidak dibuat dengan teliti, ia akan menjurus kepada berlakunya konflik dan ketidakserasian di kalangan pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dan akhirnya menjejaskan kelestarian pembangunan pelancongan di kawasan berkenaan. Page & Dowling (2002) pula menjelaskan tingkah laku yang ditunjukkan oleh penduduk tempatan merupakan komponen utama yang boleh digunakan untuk mengenalpasti, menilai dan menganalisis kesan positif atau negatif dari aktiviti pelancongan. Dowling (2002) menambah, kesan negatif yang dibawa oleh industri turut menggugat tahap kemapanan adat, budaya, warisan dan gaya hidup bagi sesebuah masyarakat tempatan. Situasi seperti ini perlu dicegah supaya tidak berleluasa.

Brandon (1996) pula menyatakan penduduk tempatan perlu menetapkan tahap keterlibatan mereka di dalam aktiviti pelancongan yang ingin dikongsi dengan pelancong. Adat, budaya, warisan dan gaya hidup yang ingin ditonjolkan kepada pelancong perlu ditapis terlebih dahulu. Perkara-perkara yang sensitif tidak akan ditonjol atau didedahkan kepada pihak luar (pelancong). Mereka seharusnya mengenalpasti dan berjaga-jaga dengan kesan yang dibawa oleh pelancong terhadap cara hidup masyarakat mereka dan seterusnya dapat mengekalkan keaslian dan keunikan sumber-sumber yang mereka miliki.

Berdasarkan daripada kajian yang dibincangkan di atas dapat dirumuskan bahawa penglibatan komuniti tempatan amat penting untuk memastikan kemapanan pembangunan pelancongan khususnya jika produk pelancongan amat bergantung kepada masyarakat dan persekitaran tempatan. Dalam konteks ini banyak isu boleh dikaji di destinasi peranginan penting Pulau Tioman, Pahang. Antara kajian penting ialah penglibatan komuniti tempatan dalam melahirkan usahawan yang berjaya selaras dengan pelbagai insentif yang ditawarkan kerajaan untuk membangunkan usahawan pelancongan termasuk di Pulau Tioman. Apakah selepas lebih 17 tahun pulau ini diistiharkan sebagai destinasi pelancongan Taman Laut


telah melahirkan banyak usahawan yang berjaya atau penduduk tempatan sekadar menjadi 'penonton' sahaja. Kajian ini cuba meneliti sejauhmana perkembangan industri pelancongan ini memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan bagaimanakah pula kebolehpelaksanaan insentif pelancongan yang disediakan dalam membantu pengusaha membangunkan perusahaan mereka. Kebolehpelaksanaan insentif ini penting kerana jika ianya tidak berjaya diperolehi, penambahbaikan dalam memberikan insentif perlu dilakukan dalam usaha melestarikan pembangunan usahawan komuniti. Kajian yang dilakukan dijangka dapat memberikan input berguna kepada pihak berkepentingan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan negara

Secara umum, kajian ini mengkaji penglibatan komuniti tempatan dalam industri pelancongan di Pulau Tioman. Secara lebih khusus, objektif kajian adalah untuk mengkaji penglibatan komuniti tempatan dalam sektor pelancongan, mengenal pasti sama ada insentif pelancongan yang diwujudkan kerajaan memainkan peranan penting dalam pembangunan keusahawanan pelancongan dan mencadangkan dasar-dasar yang bersesuaian mengikut keperluan pembangunan di Pulau Tioman.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kerangka kerja seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Penyelidikan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu untuk melihat keterlibatan komuniti dalam keusahawanan pelancongan dan mengenalpasti sama ada insentif pelancongan memainkan peranan dalam membantu pembangunan keusahawanan ini. Kedua-dua kaedah yang digunakan dalam kajian ini menggunakan data primer yang diperolehi secara langsung daripada usahawan pelancongan melalui proses temuramah bersemuka di kawasan kajian.

Sejumlah 89 usahawan telah ditemubual. Jumlah ini merupakan kesemua pengusaha kecil dan sederhana pelancongan yang terdapat di Pulau Tioman. Maklumat yang diperolehi diproses menggunakan pakej berkomputer *Statistical Purpose for Social Sciences (SPSS)* bagi mendapatkan beberapa analisis statistik yang diperlukan dalam kajian ini. Skop kajian ini tertumpu kepada komuniti di seluruh Pulau Tioman.




**Rajah 1.** Kerangka kajian penglibatan Komuniti dalam Keusahawanan Pelancong dan Peranan Insentif Pelancongan

### PELANCONGAN DI PULAU TIOMAN

Pulau Tioman merupakan salah sebuah pulau dikalangan 9 buah pulau yang membentuk Taman Laut Pulau Tioman yang diwartakan pada 1994. Kesembilan pulau tersebut adalah Pulau Tulai, Pulau Labas, Pulau Chebeh, Pulau Sepoi, Pulau Tioman, Pulau Gut, Pulau Seri Buat, Pulau Sembilang dan Pulau Tokong Bara. Pulau Tioman merupakan pulau terbesar dan didiami oleh penduduk tempatan. Mempunyai keluasan 13,360 hektar (33,000 ekar) dengan 9 buah kampung yang mempunyai penduduk seramai 3,201 orang. Bilangan penduduk yang ramai terdapat di Kg. Tekek dan Kg. Air Batang sejumlah 2,097 orang, diikuti oleh Kg. Genting dan Kg. Paya seramai 373 orang, Kg. Juara 275 orang, Kg. Salang 256 orang dan Kg. Mukut, Kg. Asah dan Kg. Nipah seramai 200 orang (Salleh 2011).

Kegiatan pelancongan eko di Pulau Tioman telah lama bermula sebelum daripada pewartaan taman laut lagi. Pada masa itu kegiatan pelancongan tidak begitu komersial, ekstensif dan berskala kecil. Penduduk tempatan masih banyak bergantung kepada kegiatan penangkapan ikan pantai sebagai sumber utama kehidupan mereka. Setelah taman laut diwartakan secara rasmi pada tahun 1994, dan penangkapan ikan pantai dilarang barulah bermulanya penglibatan penduduk tempatan di dalam industri pelancongan secara serius dan komersial. Pulau Tioman menjadi destinasi utama pelancong taman laut kerana mempunyai lebih banyak spesis hidupan marin berbanding dengan pulau-pulau di taman laut yang lain. Misalnya Pulau Tioman mempunyai sebanyak 233 spesis ikan berbanding dengan Pulau Redang dan Pulau Tinggi/Sibu yang masing-masingnya memiliki sejumlah 209 dan 219 spesis ikan. Begitu juga dengan terumbu karang yang mana Pulau Tioman mempunyai lebih daripada 183 jenis berbanding dengan dua pulau yang dinyatakan iaitu masing-masingnya sebanyak 149 dan 155 jenis. Perkembangan industri pelancongan boleh membangun dengan pesat dan mapan sekiranya dirancang dengan baik terutamanya apabila aspek pengendalian dan pemuliharaan alam semulajadi diberikan keutamaan selaras

dengan matlamat penggazetan taman laut. Di Pulau Tioman amalan ini diterapkan dalam usaha membangun industri pelancongannya.



Rajah 2. Taman Laut Malaysia dan Lokasi Pulau Tioman

### Insentif Pelancongan Sebagai Galakan Pembangunan

Antara tujuan utama pemberian insentif oleh pihak kerajaan ialah untuk menggalakkan pembangunan industri pelancongan negara secara keseluruhan. Pemberian galakan/insentif walaupun bukan merupakan faktor terpenting menentukan keputusan pengusaha untuk melibatkan diri dalam kegiatan pelancongan, tetapi pemberian insentif membantu menambah keuntungan pengusaha yang layak menerima insentif tersebut. Dalam konteks ini tidak dapat dinafikan bahawa motif keuntungan menjadi asas kepada penyediaan pelbagai insentif dalam industri pelancongan. Secara keseluruhannya pemberian insentif adalah bersesuaian dengan matlamat kerajaan untuk memajukan industri pelancongan dan menjadikannya sebagai penyumbang utama pendapatan eksport pada masa hadapan. Insentif kerajaan dalam projek pelancongan adalah seperti berikut:

#### i. Taraf Perintis (Pioneer Status)

Taraf perintis memberikan pengecualian cukai pendapatan sejumlah 70 peratus bagi projek pelancongan di Semenanjung dan bagi projek di Koridor Pantai Timur Semenanjung (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, pengecualian cukai yang diberikan kepada syarikat ialah sebanyak 85%.

#### ii. Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance)

Elaun cukai pelaburan merupakan pengecualian cukai terhadap perbelanjaan modal untuk tempoh 5 tahun bermula daripada galakan diberikan. Bagi projek pelancongan di Semenanjung Malaysia, pengecualian cukai pelaburan sejumlah 60% manakala di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pengecualian cukai pelaburan adalah 80%.

**iii. Potongan Cukai Dua Kali**

Potongan ini diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang berikut:

- a. Perbelanjaan Penggalakan di Luar Negara
- b. Perbelanjaan Untuk Latihan

**iv. Pengecualian Cukai****a. Pendapatan Pengusaha Pelancongan**

Diberikan kepada pengusaha pelancongan yang membawa masuk secara berkumpulan tidak kurang daripada 500 orang pelancong asing dan 1200 pelancong tempatan setahun.

**b. Duti Import, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan**

Barangan yang dikecualikan daripada cukai jualan termasuk beberapa jenis barangan yang selalu dibeli oleh pelancong seperti piuter, kamera, jam tangan, pemetik api, pen, radio transistor, minyak wangi dan alat solek. Barang yang mempunyai nilai import melebihi RM200.00 juga dikecualikan daripada duti import. Sementara cukai perkhidmatan dikecualikan untuk hotel bertaraf dua bintang ke bawah dan mempunyai sekurang-kurangnya 20 bilik. Bagi hotel yang berada di Pulau Pinang, Johor Bharu dan Kuala Lumpur mesti mempunyai bilangan bilik melebihi 50 buah dan kadar sewanya tidak melebihi RM150.00/hari.

**c. Cukai Untuk Pembesaran, Permodenan dan Pengubahsuaian Hotel**

Pengusaha bangunan penginapan yang melakukan pembesaran, permodenan dan mengubahsuaian bangunan mereka boleh memohon pengecualian cukai pendapatan di bawah Galakan Taraf Perintis atau pengecualian cukai pelaburan di bawah Elaun Cukai Pelaburan. Hotel bertaraf 1 hingga 5 bintang juga layak memohon galakan ini, di mana pengusaha hotel boleh memohon galakan ini selepas 5 tahun beroperasi dan untuk sekali sahaja.

**d. Cukai Pendapatan/Pelaburan Pembinaan Hotel 1 hingga 3 Bintang**

Diberikan kepada pengusaha hotel 1 hingga 3 bintang yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan boleh memohon untuk pengecualian cukai pendapatan di bawah Taraf Perintis atau pengecualian cukai pelaburan di bawah Elaun Cukai Pelaburan.

**e. Cukai Pendapatan Kem Perkemahan/Percutian**

Pengusaha layak memohon pengecualian cukai pendapatan atau pelaburan sekiranya projek mereka memerlukan pelaburan sekurang-kurangnya RM500,000 tidak termasuk kos tanah. Galakan ini bermula bagi tahun taksiran 1997.

**f. Cukai Untuk Promosi Persidangan Antarabangsa dan Pameran Perdagangan**

Cukai ini diberikan kepada syarikat tempatan yang mempromosikan persidangan antarabangsa di Malaysia dengan membawa masuk tidak kurang daripada 500 peserta asing.

**g. Cukai Pendapatan Restoran Pelancongan**

Pengusaha restoran pelancongan yang layak memohon galakan ini sekiranya restoran mereka memaparkan ciri-ciri tempatan yang ketara seperti senibina dan hiasan dalaman yang bercorak tempatan, sasaran pasarannya adalah untuk para pelancong.

- h. Duti Import dan Cukai Jualan Untuk Mesin dan Peralatan Mengekalkan Alam Sekitar  
Pengecualian duti dan cukai di atas diberikan kepada pembelian peralatan dan mesin yang digunakan untuk tujuan perlindungan alam sekitar, pengekalan tenaga kitar semula sisa buangan serta tempat simpanan dan rawatan sisa tetapi tidak dihasilkan dalam negara. Permohonan perlu dibuat melalui MIDA.

**v. Lain-lain Bentuk Insentif**

Beberapa insentif berkaitan dengan pelancongan lain turut diberikan antaranya:

- a. Insentif Untuk Industri Kapal Mewah
- b. Insentif Kepada Pengusaha Kereta Sewa
- c. Elaun Infrastruktur
- d. Elaun Bangunan Industri
- e. Insentif Penggunaan Teknologi Maklumat
- g. Potongan Kepada Pertunjukan Kebudayaan
- h. Pengecualian Duti Hiburan dan Cukai Pegangan

(Sumber: diubahsuai daripada Othman & Salleh, 2006)

Penjelasan mengenai kepelbagaian bentuk insentif memberikan gambaran bahawa hampir setiap sektor pelengkap dalam industri pelancongan seperti sektor penginapan, makanan dan minuman, rekreasi, pengangkutan, kraftangan, projek pembangunan produk pelancongan, agensi pelancongan dan penganjur pelbagai kegiatan yang dapat menarik masuk pelancong diberikan pelbagai galakan dalam usaha merangsang pihak swasta untuk terlibat dan bersama-sama memajukan industri pelancongan negara.

Persoalannya di sini sejauh manakah insentif yang diberikan ini berperanan dalam membantu pembangunan industri pelancongan negara khususnya membantu para usahawan di Pulau Tioman dalam memajukan perusahaan mereka.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### Profil Demografi Pengusaha

Profil demografi pengusaha perusahaan berkaitan pelancongan ditunjukkan di Jadual 1. Berdasarkan jadual majoriti pengusaha berada dalam lingkungan umur tenaga kerja iaitu antara 21 hingga 60 tahun (94.4 peratus). Golongan yang agak berusia iaitu melebihi 60 tahun kurang menceburi bidang ini kerana faktor ketidakmampuan fizikal yang diperlukan dan telah menyerahkan perusahaan mereka kepada pewaris. Dari segi jantina pula kebanyakan pengusaha terdiri daripada golongan lelaki iaitu sekitar 96.6 peratus. Hanya 3.4 peratus sahaja pengusaha adalah dari golongan wanita.



Jadual 1. Profil Demografi Pengusaha

Umur	Bilangan	Peratus
21 – 30	7	7.9
31 – 40	25	28.1
41 – 50	29	32.6
51 – 60	23	25.8
61 – 70	4	4.5
71 – 80	1	1.1
Jantina		
Lelaki	86	96.6
Perempuan	3	3.4

### Maklumat Perniagaan Pelancongan

Maklumat berkaitan dengan perniagaan pelancongan yang diceburi adalah seperti Jadual 2. Pelbagai jenis perniagaan yang dijalankan oleh penduduk Pulau Tioman untuk membekalkan perkhidmatan kepada pelancong. Perniagaan yang dijalankan terdiri daripada perniagaan chalet, bot, *scuba diving* dan *snorkeling*. Pengusaha yang menjalankan perniagaan chalet juga turut menjalankan perniagaan restoran. Mereka menyediakan makanan bukan saja kepada penginap di chalet mereka tetapi juga untuk pelancong lain yang tidak menginap. Daripada pelbagai perniagaan tersebut perniagaan yang paling diminati oleh pengusaha adalah perniagaan chalet dan bot.

Kedua-dua perniagaan ini digemari kerana memberi lebih keuntungan berbanding dengan perusahaan yang lain kerana permintaannya yang tinggi. Begitu juga dengan perniagaan bot yang memberikan pulangan lumayan kerana bot digunakan sepenuhnya untuk tujuan pengangkutan dan rekreasi. Kedua-dua jenis perniagaan ini menguasai 83.2 peratus daripada jumlah perniagaan berkaitan pelancongan di pulau ini. Lain-lain perniagaan yang diceburi khususnya dalam bidang perkhidmatan rekreasi ialah '*scuba diving*' sejumlah 12.4 peratus dan pengusaha '*snorkeling*' 4.5 peratus.

### Jenis pemilikan

Jenis pemilikan yang paling popular di Taman Laut Pulau Tioman adalah jenis pemilikan sendiri. Didapati sejumlah 78.7 peratus pengusaha menjalankan perusahaan jenis milikan sendiri dan 83.1 peratus pengusaha mendaftarkan perniagaannya secara perniagaan tunggal. Ini adalah kerana jenis perniagaan tunggal merupakan perniagaan yang mudah untuk didaftar dan diuruskan tanpa melibatkan orang lain selain daripada pemilik asalnya. Jenis perniagaan ini mudah kerana segala keputusan yang hendak dibuat hanya bergantung kepada pemiliknya sahaja tanpa melibatkan banyak pihak dan keuntungan juga tidak perlu diagihkan. Manakala jenis perkongsian dengan keluarga melibatkan sebanyak 15.7 peratus pengusaha, perkongsian dengan rakan sebanyak 2.2 peratus, majlis peladang sebanyak 1.1 peratus dan sewa pajak dan sewaan masing-masing adalah 1.1 peratus.

### Bilangan unit sewaan

Secara umumnya pengusaha perkhidmatan pelancongan di Pulau Tioman secara relatifnya berskala kecil. Bagi pengusaha penginapan misalnya lebih daripada 80 peratus pengusaha memiliki unit sewaan kurang daripada 30. Hanya kira-kira 5 peratus pengusaha yang memiliki unit sewaan melebihi 50. Manakala bagi pengusaha bot pula kesemua mereka memiliki bilangan bot kurang daripada 10 unit. Bagi pengusaha peralatan scuba pula lebih

90 peratus memiliki peralatan kurang daripada 40 unit. 100 peratus pengusaha snorkeling pula mempunyai peralatan kurang daripada 40 unit.

### Jumlah kakitangan

Pengusaha di Taman Laut Pulau Tioman kebanyakannya mengambil pekerja seramai di antara 1 hingga 10 orang iaitu melibatkan sebanyak 80.9 peratus pengusaha. Manakala pengusaha yang menggunakan ahli keluarga sebagai pekerja sejumlah 13.4 peratus. Pengusaha yang menggunakan pekerja seramai 11 orang hingga 20 orang sebanyak 3.3 peratus dan hanya 1.1 peratus masing-masing pengusaha menggunakan pekerja sebanyak 21 hingga 30 pekerja dan 31 hingga 40 orang. Ini selaras dengan saiz operasi perniagaan yang berskala agak kecil disamping kos yang agak tinggi untuk menggunakan pekerja yang ramai.

**Jadual 2. Jenis Perniagaan**

Jenis Perniagaan		Bilangan	Peratus
Pengusaha Chalet		37	41.6
Pengusaha Bot		37	41.6
Pengusaha Scuba Dive		11	12.4
Pengusaha snorkeling		4	4.5
Jumlah		89	100.0

Jenis Pemilikan			Bilangan	Peratus
Milikan sendiri			70	78.7
Perkongsian dengan Keluarga(milik keluarga)			14	15.7
Perkongsian dengan rakan			2	2.2
Orang ramai			1	1.1
Sewa dan pajakan (pajak tanah 30 tahun)			2	2.2
Jumlah			89	100.0

Bilangan unit-unit sewaan	Jenis perusahaan/perniagaan							
	Chalet (unit)		Bot (unit)		Scuba Diving		Snorkeling	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
≤ 10	7	18.9	37	100	4	36.4	2	50
11 – 20	14	37.8	0	0	4	36.4	0	0
21 – 30	9	24.3	0	0	1	9.1	1	25
31 – 40	2	5.4	0	0	1	9.1	1	25
41 – 50	3	8.1	0	0	0	0	0	0
51 – 60	1	2.7	0	0	0	0	0	0
70 ke atas	1	2.7	0	0	1	9.1	0	0
Jumlah	37	100	37	100	11	100	4	100

Jumlah kakitangan	Bilangan	Peratusan
Ahli keluarga	12	13.4
1 – 10	72	80.9
11 – 20	3	3.3
21 – 30	1	1.1
31 – 40	1	1.1
Jumlah	89	100.0

<b>Sumber modal</b>	Bilangan	Peratus
Sendiri	58	65.0
Pinjaman	30	33.7
Pembiayaan kerajaan	1	1.1
Jumlah	89	100.0

<b>Tahun mulakan perniagaan</b>	Bilangan	Peratus
1960 – 1969	1	1.1
1970 – 1979	10	11.1
1980 – 1989	16	17.7
1990 – 1999	32	35.8
2000 – 2009	30	33.7
Jumlah	89	100.0

Sumber: kaji selidik 2009

### **Sumber modal**

Dari segi sumber modal perniagaan kajian mendapati kebanyakan pengusaha memperoleh sumber modal sendiri iaitu menggunakan modal yang dikeluarkan sendiri yang melibatkan sejumlah 65.0 peratus pengusaha. Ini diikuti oleh sumber pinjaman seramai 33.7 peratus pengusaha dan hanya 1.1 peratus pengusaha yang mendapat sumber modal daripada pembiayaan kerajaan.

### **Masa memulakan perniagaan**

Hasil kajian mendapati bahawa perniagaan pelancongan di Taman Laut Pulau Tioman telah bermula seawal tahun 1960 hingga 1969. Pengusaha yang menjalankan perniagaan pada ketika itu yang kekal sehingga kini adalah sebanyak 1.1 peratus. Didapati terdapat sejumlah 11.1 peratus pengusaha memulakan perniagaan antara tahun 1970 hingga 1979, manakala sebanyak 17.7 peratus pengusaha melibatkan diri dalam perusahaan ini antara tahun 1980 hingga 1989.

Antara tahun 1990 hingga 1999 peningkatan pengusaha yang menceburi perusahaan pelancongan di taman Laut Pulau Tioman agak ketara iaitu sebanyak 35.8 peratus. Sebanyak 33.7 peratus pengusaha pula melibatkan diri dalam perusahaan ini antara tahun 2000 hingga 2009. Peningkatan ketara ini berlaku disebabkan oleh pewartaan taman laut. Pengusaha yang sebelum ini menjalankan pekerjaan lain seperti nelayan telah beralih mata pencarian dengan menceburi bidang pelancongan kerana selepas pewartaan Pulau Tioman sebagai taman laut pada tahun 1994 kegiatan menangkap ikan pantai tidak dibenarkan.

### **Analisis Faktor Penglibatan Komuniti**

Terdapat beberapa faktor dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyebabkan penduduk tempatan terlibat dalam perniagaan yang dijalankan. Hasil kajian menunjukkan perniagaan yang diceburi oleh kebanyakan penduduk merupakan perniagaan warisan turun temurun daripada ibu dan bapa mereka. Ini kerana mereka berminat untuk berniaga tetapi untuk memulakan perniagaan yang baru amat sukar memandangkan wujudnya persaingan amat sengit di sekitar kawasan pulau oleh itu kebanyakan perniagaan diwarisi oleh anak-anak mereka.

### Perolehan Insentif Pelancongan

Daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa terdapat hanya seramai 3.4 peratus pengusaha mendapat insentif pelancongan yang diberikan oleh kerajaan manakala selebihnya iaitu sebanyak 96.6 peratus tidak mendapat insentif (Jadual 3). Ini disebabkan samada mereka tidak menyedari adanya insentif yang ditawarkan dan tidak memohon atau mereka yang memohon tetapi tidak berjaya kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

Daripada soal selidik yang di jalankan di Taman Laut Pulau Tioman didapati bahawa kebanyakan pengusaha yang menjalankan perusahaan di pulau ini terdiri daripada pengusaha persendirian yang mengeluarkan modal yang kecil dan tidak layak untuk mendapatkan insentif tersebut. Perincian maklumat di JADUAL 3. Malah kebanyakan mereka juga tidak mengetahui dengan jelas perihal syarat-syarat yang diperlukan untuk membolehkan insentif tersebut diperoleh.

### Pengetahuan mengenai syarat insentif

Hasil soal selidik yang dijalankan terhadap pengusaha di Pulau Tioman menunjukkan sebanyak 79.8 peratus pengusaha di Taman Laut Pulau Tioman tidak mengetahui syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapatkan insentif pelancongan. Hanya 20.2 peratus pengusaha sahaja yang mengetahui syarat-syarat untuk mendapatkan insentif pelancongan tersebut. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh tidak terdapat pihak yang secara langsung berhubung dengan pengusaha yang berada di Pulau Tioman, untuk menerangkan syarat-syarat serta cara untuk mendapatkan insentif pelancongan tersebut. Kurangnya maklumat berkaitan dengan syarat-syarat insentif tersebut menyebabkan golongan pengusaha yang berada di kawasan pulau ini akan ketinggalan dalam mendapatkan faedah tersebut.

### Menyedari insentif-insentif yang ditawarkan

Daripada kesemua insentif yang dinyatakan dalam soal selidik didapati bahawa insentif yang paling banyak disedari oleh pengusaha adalah pengecualian duti import, cukai jualan, dan cukai perkhidmatan di mana terdapat sebanyak 29.2 peratus pengusaha dan yang paling kurang diketahui oleh pengusaha adalah insentif bagi kapal persiaran mewah, di mana hanya 19.1 peratus sahaja pengusaha yang mengetahui kewujudan insentif ini.

Jadual 3. Maklumat Insentif dan Pengusaha Pelancongan di Pulau Tioman

<b>Pengusaha yang mendapat insentif</b>	Bilangan	Peratus
Ya	3	3.4
Tidak	86	96.6
<b>Pengetahuan syarat insentif</b>		
Ya	18	20.2
Tidak	71	79.8
<b>Kesedaran/Menyedari insentif yang ditawarkan</b>	Ya (%)	Tidak (%)
Taraf perintis	23.6	76.4
Elaun cukai pelaburan	25.8	74.2
Insentif bagi kapal persiaran mewah	19.1	80.9
Pengecualian cukai pendapatan untuk pengusaha pelancongan	27.0	73.0
Potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan di luar negeri untuk penggalakkan pelancongan	23.6	76.4
Pengecualian duti import, cukai jualan dan cukai perkhidmatan	29.2	70.8
Pengecualian duti import, cukai jualan dan cukai perkhidmatan	27.0	73.0
Mengetahui syarat-syarat untuk mendapatkan insentif	20.2	79.8

<b>Insentif yang mungkin memberi faedah kepada pengusaha</b>	<b>Ya (%)</b>	<b>Tidak (%)</b>
Taraf perintis	87.6	12.4
Elaun cukai pelaburan	84.3	15.7
Insentif bagi kapal persiaran mewah	78.7	21.3
Pengecualian cukai pendapatan untuk pengusaha pelancongan	91.0	9.0
Potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan di luar negeri untuk penggalakkan pelancongan	82.0	18.0
Pengecualian duti import, cukai jualan dan cukai perkhidmatan	84.3	15.7
Pengecualian duti import, cukai jualan dan cukai perkhidmatan	83.1	16.9
<b>Adakah anda pernah memohon insentif berkenaan?</b>	<b>9.0</b>	<b>91.0</b>
<b>Adakah anda berjaya memperoleh insentif yang anda pohon?</b>	<b>3.4</b>	<b>96.6</b>

Sumber: kaji selidik 2009

### **Faedah insentif kepada pengusaha**

Daripada kesemua insentif yang diberikan oleh kerajaan, kebanyakan pengusaha atau 91.0 peratus pengusaha berpandangan bahawa insentif pengecualian cukai pendapatan memberikan faedah kepada mereka. Manakala insentif yang paling kurang memberi faedah kepada mereka adalah insentif kapal persiaran mewah yang mana kira-kira 79 peratus yang bersetuju dengan pandangan ini.

Kebanyakan pengusaha di Taman Laut Pulau Tioman tidak pernah memohon insentif-insentif tersebut di mana terdapat sebanyak 91.0 peratus pengusaha yang menyatakan mereka tidak pernah memohon insentif yang disediakan mungkin kerana tidak menepati syarat yang ditetapkan. Hanya sebilangan kecil (9 peratus) yang memohon. Daripada jumlah ini sebahagian besarnya (96.6 peratus) tidak berjaya mendapat insentif pelancongan tersebut.

## **KESIMPULAN**

Hasil kajian menunjukkan pengetahuan pengusaha pelancong di Tioman tentang wujudnya skim insentif masih lagi agak rendah. Ini mungkin kebanyakan insentif yang ditawarkan kurang sesuai kepada pengusaha pelancongan berskala kecil seperti yang dijalankan di pulau ini disamping kurangnya pendedahan maklumat ini kepada mereka.

Pada dasarnya pengenalan sistem insentif pelancongan oleh kerajaan ialah untuk merangsang penglibatan pihak swasta dalam usaha membangunkan industri pelancong secara keseluruhan dalam skala lebih besar. Dalam konteks ini kebanyakan penerima skim insentif ini adalah pengusaha pelancong bermodal besar khususnya syarikat pelancongan yang telah kukuh.

Dalam konteks implikasi dasar, jenis-jenis insentif sedia ada yang ditawarkan adalah kurang sesuai khususnya dalam membangunkan pelancongan berasaskan alam semulajadi yang begitu sensitif dengan gangguan fizikal yang berlaku. Sistem insentif ini mungkin sesuai untuk pembangunan produk pelancongan seperti pusat membeli belah, taman tema, MICE, sukan, pendidikan, kesihatan dan seumpamanya. Jika insentif ini dilaksanakan secara ekstensif di Tioman dikhuatiri akan berlakunya kesan persekitaran yang negatif dan akhirnya akan menjejaskan kualiti semulajadi persekitaran pulau ini. Ini akan menggagalkan matlamat asal penggazetan pulau ini sebagai taman laut iaitu mengekalkan persekitaran dan ekosistem semulajadinya.

Berasaskan dapatan kajian yang menunjukkan majoriti pengusaha pelancongan adalah bermodal kecil, didapati hampir keseluruhan insentif yang ditawarkan adalah kurang sesuai dan relevan. Oleh itu dicadangkan supaya bentuk bentuk bantuan atau insentif lain perlu diberikan untuk membantu pengusaha tempatan dan pada masa yang sama dapat melestarikan persekitaran semulajadi pulau ini. Antara yang boleh dilaksanakan ialah bantuan kewangan mudah dan khidmat nasihat kepada pengusaha pelancongan supaya mengusahakan aktiviti pelancongan mesra alam. Misalnya tempat tempat penginapan bersaiz kecil lebih diutamakan yang mana pembinaannya tidak banyak merosakkan tanah. Begitu juga penggunaan bot besar yang banyak menyebabkan tumpahan minyak dan pencemaran bunyi patut tidak diberikan bantuan kewangan. Berikan keutamaan bantuan pembiayaan kepada pengusaha yang menggunakan bot bot kecil. Langkah ini dapat memberikan bantuan kepada lebih ramai pengusaha kecil dan pada masa yang sama dapat mengekalkan persekitaran semulajadi pulau ini. Bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan bantuan yang diberikan pemantuan oleh pihak pemberi bantuan perlu dilakukan secara berkala.

Sebagai kesimpulan, pembangunan pelancongan di Tioman telah menjadi sumber pendapatan alternatif penting kepada penduduk tempatan selepas pulau ini digazetkan sebagai taman laut. Ramai penduduk tempatan melibatkan diri dalam perusahaan ini. Bagaimana pun kebanyakan mereka adalah pengusaha kecil yang tidak mempunyai dana pembiayaan yang mencukupi. Kebanyakan bantuan dana kerajaan pusat dalam bentuk insentif pelancongan didapati kurang sesuai untuk mereka kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Oleh itu lebih sesuai jika mereka ini diberikan bantuan pinjaman dana mudah dalam jumlah yang sesuai dengan skala operasi mereka. Ini membolehkan lebih ramai ahli komuniti tempatan terlibat dan ini selaras dengan konsep pembangunan pelancongan berasaskan masyarakat. Dalam jangka masa panjang ianya akan menjamin pembangunan pelancongan mapan di Tioman.

## PENGHARGAAN

Penulis dan rakan-rakan merakamkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan UKM-GUP-JKKBG-08-03-012.

## RUJUKAN

- Akama, J.S., 1996. Western environmental values and nature-based tourism in Kenya. *Tourism Management*, **17(8)**, 567–574.
- Bell, D., 1995. *Approaches to Community Participation*. Environ, Leicester.
- Buhalis, D., Molinaroli, E., 2003. Entrepreneurial networks and supply communities in the Italian etourism. *Cognizant Communication Corporation*, **5(3)**, 175-184(10).
- Brandon, K., 1996. *Ecotourism and Conservation: A Review of Key Issues*, *Global Environment Division Paper No. 033*. World Bank, Washington DC.
- Dowling, R.K., 2002. Australian Ecotourism – Leading the Way. *Journal of Ecotourism*, **1(2-3)**, 89-92.
- Gilder, G., 1984. *The Spirit of Enterprise*. New York: Simon & Schuster, Inc.

- Hashim, B., Kim, G.L., 2011. Penglibatan Usahawan Bumiputera dalam Sektor Pelancongan: Satu Tinjauan di Kawasan Bandar Hilir Melaka. Online di alamat [http://eprint.utm.my/10211/2/\\_Lay\\_Kim.pdf](http://eprint.utm.my/10211/2/_Lay_Kim.pdf).
- Inskeep, E., 1991. *Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- John, B., 1996. New directions in tourism for third world development. *Annals of Tourism Research*, **23(1)**, 48–70.
- Lillywhite, M., Lillywhite, L. 1991. Low impact tourism: coupling natural/cultural resource conservation, economic development, and the tourism industry. In *Ecotourism and Resource Conservation: A Collection of Papers*, 89a-89r
- Makbul, Z.M., Hasun, F.M., 2003. *Menjadi usahawan*. Wangsa Melati, Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Millar, C., Aiken, D., 1995. *Conflict Resolution in Aquaculture: A Matter of Trust* A. Boghen (Ed.). 617–645. Coldwater Aquaculture in Atlantic Canada, Canadian Institute for Research on Regional Development, Moncton.
- Salleh, N.H.M., Othman, R., Sarmidi, T., Jaafar A.H., Norghani, M.N., 2012. Tourist satisfaction of the Environmental Services Quality to Tioman Island Marine Park. *Indian Journal of Geo-Marine Science*, **42(2)**, 173-179.
- Murphy, L.L., Pearce, L.P., 1995. Young budget travelers: backpackers in Australia. *Annals of Tourism Research*, **22(4)**, 819–843
- Othman, R., Salleh, N.H.M., 2006. Kesesuaian dan Keserasian Insentif kepada Pembangunan Industri Pelancongan, dalam *Ekonomi Malaysia ke Arah Pascaindustri* (Pytg.) Ishak Yusof, Nor Aini Idris dan Basri Abdul Talib. Bangi: PENERBIT UKM.
- Page, S.J., Dowling, R.K., 2002. *Ecotourism*. Essex, UK: Pearson Education Limited.
- Richard, G., Hall, D., 2000. *Tourism & sustainable community development*. Routledge, New York.
- Scheyvens, R., 1999. Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Management* **20 (2)**, 245–249.
- Timothy, D.J., 1999. Participatory planning a view of tourism in Indonesia. *Annals of Tourism Research*, **26(2)**, 371–391.